# MAQIS tahan batu mineral dari China di Dermaga Merdeka Labuan

Oleh Henry Bating

LABUAN: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menggagalkan cubaan membawa masuk konsainan Graphite (Hasilan tanih - Batu/Bahan Mineral) dari China kerana didapati tidak mempunyai permit import (IP).

Pengarah MAQIS WP Labuan Nazrul Azman Mat Rahim berkata, bahan yang dimuatkan dalam kontena itu ditahan di Pelabuhan Dermaga dan Merdeka Labuan.

"Konsainan Graphite seberat 32,000 kg bernilai RM107,919.36 itu ditahan bagi tujuan siasatan lanjut," katanya.

Menurutnya penahanan itu dilakukan Penguatkuasa MAQIS Lisa Michael, Basran Dangu dan Penguatkuasa Kastam Norain Amran.

Nazrul memaklumkan penahanan dijalankan selepas pengimport gagal



**BATU:** Lisa Norain dan Basran menahan kontena import hasil tanah dari China.

oleh pihak MAQIS.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya kepada

MAQIS sentiasa tegas, cekap dan teliti menjalankan penguatkuasaan di semua pintu masuk negara dengan memperketatkan kawalan bagi memastikan pengguna dan orang awam mematuhi kesemua syarat import sebagaimana yang telah ditetapkan.

"Tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak yang tidak

# MAQIS tahan batu mineral dari China di Dermaga Merdeka Labuan

Oleh Henry Bating



BATU: Lisa Norain dan Basran menahan kontena import hasil tanah dari China.

LABUAN: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menggagalkan cubaan membawa masuk konsainan Graphite (Hasilan tanih - Batu/Bahan Mineral) dari China kerana didapati tidak mempunyai permit import (IP).

Pengarah MAQIS WP Labuan Nazrul Azman Mat Rahim berkata, bahan yang dimuatkan dalam kontena itu ditahan di Pelabuhan Dermaga dan Merdeka Labuan.

"Konsainan Graphite seberat 32,000 kg bernilai RM107,919.36 itu ditahan bagi tujuan siasatan lanjut," katanya.

Menurutnya penahanan itu dilakukan Penguatkuasa MAQIS Lisa Michael, Basran Dangu dan Penguatkuasa Kastam Norain Amran.

Nazrul memaklumkan penahanan dijalankan selepas pengimport gagal mengemukakan permit import yang dikeluarkan oleh pihak MAQIS.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya kepada media semalam.

Nazrul menegaskan MAQIS sentiasa tegas, cekap dan teliti menjalankan penguatkuasaan di semua pintu masuk negara dengan memperketatkan kawalan bagi memastikan pengguna dan orang awam mematuhi kesemua syarat import sebagaimana yang telah ditetapkan.

"Tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak yang tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan," katanya.